

Pelihara legasi politik aman di UMS

um 24 09 2012 14

KUALA LUMPUR 23 Sept.

- Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu bijak memilih pemimpin agar demokrasi di dalam kampus terus terpelihara, sekali gus mengangkat martabat golongan itu di tahap yang lebih baik pada mata masyarakat.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti itu,

Khalil Sabu

(gambar)

berkata,

berpolitik

secara

aman dan

profesional

lebih melambang-

kan keperibadian seorang intelektual.

“Tanggungjawab dan fokus utama mahasiswa adalah terhadap pengajian, justeru itu, tidak wajar pilihan raya kampus dijadikan medan bagi mengubah peranan tersebut.

“Pilihan raya kampus cuma platform untuk melatih dan mendedahkan mahasiswa menjadi seorang pemimpin. Oleh itu, biarlah diadakan secara aman tanpa sebarang kejadian tidak diingini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas mengenai pilihan raya kampus pada pemilihan MPP sesi 2012-2013 yang diadakan bermula semalam hingga 25 September ini.

Menurut Khalil, pemilihan yang tepat penting agar nasib dan sebarang tuntutan mahasiswa terus diperjuangkan mengikut landasan betul.

“Saya percaya mahasiswa sedar akan tanggungjawab dalam menentukan perwakilan mana yang layak kerana ia turut membabitkan suara dan pendapat mereka kelak,” katanya.

